

# Peranan media bina negara

U.M. 29/06/07 M/S 11

**SEDUTAN** teks ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semasa merasmikan Persidangan Media Massa 2007 anjuran Kementerian Keselamatan Dalam Negeri di Kuala Lumpur, semalam.

**PERSIDANGAN** ini diadakan untuk memberi kesempatan kepada semua yang hadir, kepada kerajaan, kepada jabatan-jabatan tertentu khususnya kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri sendiri untuk mendengar dan mendapat maklum balas tentang peranan media dalam pembangunan negara kita terutama pada masa kini.

Ini adalah amat penting kerana bagi sebuah negara yang sedang pesat membangun dan untuk menjadi sebuah negara maju, kita sedang menghadapi pelbagai cabaran yang dahulunya kita tidak pernah alami.

Cabaran-cabaran di peringkat global, cabaran dan pengetahuan-pengetahuan ataupun berita-berita yang datang kepada kita dengan begitu cepat sekali yang tentu sahaja telah menimbulkan pelbagai reaksi ke dalam diri kita, ke dalam pemikiran kita dan terus mempengaruhi sifat kita.

Dan daripada situ maka tercetuslah tindakan-tindakan yang kita ambil, bertindak ikut perasaan, kadang-kadang bertindak kerana rasa terpenggil untuk membuat sesuatu, dan bagi yang bekerja dengan media, tentulah sekali mahu membuat pelbagai penulisan, menulis rencana, komentar, memberi pandangan masing-masing terhadap apa yang mereka lihat dan apa yang berlaku.

Kadangkala lebih penting memikirkan apa yang mereka lihat dan berlaku memberi komen khusus kepada apa yang mereka lihat dan berlaku. Terlupa pula nanti tentang kedudukan negara kita dan bangsa kita.

## Kestabilan

Terlalu bebas daripada perasaan rakyat Malaysia dan keprihatinan rakyat Malaysia terhadap kestabilan, terhadap kesentosaan kehidupan kita, terhadap berapa tinggi maknanya harmoni, yang ada di negara ini. Kadang-kadang kita lupa komen bebas, tetapi ini adalah satu perkara yang lazim berlaku dan mesti berlaku.



**ABDULLAH** Ahmad Badawi berucap merasmikan Persidangan Media Massa 2007 di Hotel Palace of the Golden Horses, Kuala Lumpur semalam.

kita hendak membuat sesuatu, mengambil sesuatu tindakan sama ada berita itu hendak dimasukkan dalam muka satu akhbar, sama ada berita itu hendak dilenyapkan atau berita kecil itu hendak dibesarkan, ataupun sama ada atas sebab-sebab lain.

Yang ini ada menyentuh seseorang tertentu maka inilah masanya kita hentam dia. Walaupun atas sebab-sebab tertentu, inilah masanya kita lonjakkan popularitinya. Ini semua sebenarnya berupa pendirian, keputusan yang akan diambil oleh mereka yang ada dalam dunia media sama ada berhubung dengan

kita yang menjadi hari ini dalam sejarah, yang ada nilai kepada kita.

Hari ini mereka yang ada dalam media kebanyakannya adalah yang terdiri daripada generasi lepas merdeka.

Dulu ada orang seperti Pak Samad Ismail, Pak Melan. Zaman dulu ada Datuk Zam (Datuk Seri Zainuddin Maidin, Menteri Penerangan).

Saya kata pada Datuk Zam, kita hari ini tua, *but* kita bermula awal. *You* (Datuk Zam) bermula sangat awal dengan media, saya bersama kemudiannya. Kami sama-sama melabir

yang cukup baik dan yang cukup hebat.

Siapa yang dapat menjadikannya sebagai pelajaran atau pengajaran, dia akan hidup menjadi lebih matang tetapi bagi manusia yang tidak dapat menghadapinya, dia akan mati.

Manusia yang lupa kepada sejarah mungkin akan sesat dan sukar untuk mencari jalan ke hadapan (untuk maju), untuk menemui pembangunan dan mencari kemakmuran yang lebih besar.

Manusia yang lupa sejarah, satu hari (nantinya) akan kehilangan identitinya kerana di

Saya telah menyediakan ucapan panjang lebar untuk majlis ini tetapi saya memutuskan saya patut bercakap mengenai apa yang ingin saya katakan.

Dan inilah yang ingin saya sampaikan iaitu perasaan dan pemikiran seseorang yang ditakdirkan Tuhan untuk memimpin negara dan terpaksa bersama-sama dengan saudara.

(Kedudukan saya sekarang) bukan dipaksa tetapi saya memilih untuk bersama dengan saudara kerana peranan saudara dan peranan saya mesti ada saling membantu, saling menjayakan cita-cita bersama, cita-cita bangsa untuk mencapai satu kedudukan yang lebih baik dari dahulu.

Kita perlu patuh kepada sejarah, (kerana) sejarah membuktikan bahawa media telah banyak membantu dari peringkat awal lagi semasa kita hendak mencapai kemerdekaan. Media juga banyak membantu semasa kita menghadapi cabaran besar seperti keganasan komunis, semasa kita menghadapi konfrontasi dengan negara jiran, negara yang terdiri dari serumpun bangsa iaitu bangsa Indonesia.

Pada masa kita menghadapi kesusahan — peristiwa 13 Mei, cabaran dan pergolakan besar yang berlaku pada pemerintah dan kerajaan, pada UMNO, MCA, MIC, semuanya tentu sekali membawa kesan hebat pada politik negara, pada bangsa dan negara dan pada masa hadapan yang kita ingin sama-sama membentuknya.

Pada waktu-waktu seperti inilah, maka kalau kita baca dan ambil perhatian, dan inilah yang saya perkatakan, orang media mesti responsif.

## **Cabaran**

---

Kalau tidak, porak-peranda dengan lebih hebat lagi, kalau tidak kita akan berada dalam satu kekalutan yang kelam-kabut, yang mungkin tidak dapat nak diuruskan tanpa mendapat kerjasama berasaskan kepada satu persefahaman.

Kita (kerajaan dan media) mahu negara kita ini tetap stabil, perpaduan itu sentiasa dipelihara, prinsip-prinsip Rukun Negara dihormati, kita mahu mendaulatkan Perlembagaan kita, kedaulatan undang-undang dan keluhuran Perlembagaan perlu dipelihara. Bahawa negara ini sebuah negara yang demo-

Tidak ada siapa yang boleh menyekatnya kerana manusia mempunyai naluri yang akan sentiasa tercuik dengan apa yang berlaku di mana-mana sahaja di luar negara tetapi lebih-lebih lagi di dalam negeri.

Maka dengan apa yang berlaku ini dengan pemberitaan, dengan rencana-rencana, dengan penganalisis-penganalisis politik dan ekonomi serta sebagainya dan berita-berita yang telah pun disiarkan di atas alasan bahawa ini adalah diminati (*human interest story*) dan yang lain-lain lagi, maka ia mempengaruhi satu suasana dalam negara kita.

Dan orang yang membaca surat khabar, yang melihat televisyen dan juga dapat akses kepada Internet dan lain-lain lagi sumber-sumber berita dan cerita akan terus menganggap inilah dunia media pada hari ini. Inilah suasana dan sedikit sebanyak pengaruh telah pun dirasakan oleh rakyat dengan peranan media itu.

Bagi kerajaan, tentulah semua ini menjadi perkara yang amat penting dan bagi rakyat juga amat penting sekali terutama jika sekiranya ia membawa reaksi-reaksi yang perlu ditangani ataupun sebagaimana orang katakan bahawa lebih baik kita gali awal-awal sebelum merebak.

Maka di sinilah timbulnya, di sinilah perlu-nya keputusan daripada pemimpin, bila boleh memberi dan dibenarkan memberi reaksi dan bila masanya orang ramai boleh bersuara, bagaimana pandangan mereka. Macam mana kalau kita cepat-cepat memberi reaksi terhadap semua itu, maka kita tidak tahu apa yang menjadi perhatian rakyat, pandangan rakyat tentang apa yang berlaku.

Tapi kalau kita biar lama pula ia menjadi api kecil yang makin besar dan keadaan ini boleh membawa masalah, tidak mudah dipadam. Ia akan menjadi satu reaksi yang mungkin membawa kesan-kesan negatif.

Maka dengan itu persediaan kepimpinan amat perlu sekali dipastikan. Maka di sinilah bezanya antara seorang pemimpin dengan pemimpin lain, bukan sahaja pemimpin politik, (ini) termasuk pemimpin media, termasuk editor kumpulan, termasuk juga tuan punya akhbar-akhbar yang ada reaksi tertentu.

Yang akan memberi arahan-arahan tertentu misalnya 'kita besarkan isu ini, lupakan yang lain'.

Mereka pun ada juga peranan masing-masing.

Maka dengan itu dalam menentukan semua ini kita mestilah ada panduan-panduan dalam diri kita, peringatan-peringatan yang perlu menjadi panduan kepada kita, apabila

dalam dunia media, sama ada bagi pemberita biasa, sama ada mereka itu sudah masuk dalam kumpulan editor atau sama ada mereka itu adalah ketua editor ataupun tuan punya akhbar.

Kita kerajaan, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri terutama sekali hari ini, kami sentiasa perlu menghadapi sebarang perkembangan. Ada masanya kita meminta pertolongan dan bantuan tuan-tuan dan puan-puan (dari media), supaya tolong memahami sedikit tentang apa yang berlaku ini. Ingatlah, sesuatu yang berlaku itu adalah sesuatu yang sensitif, sesuatu yang berlaku itu sesuatu yang akan membuat hubungan kaum tegang, sesuatu yang akan menyebabkan hubungan antara kaum-kaum agama pula nanti jadi tegang dan menimbulkan keresahan dan pelbagai sebab-sebab lagi.

Dan dalam banyak hal, pada waktu ini saya terpaksa mahu bekerjasama. Dan ada kalanya susah juga kalau mereka ada pandangan-pandangan tertentu yang mereka mahu supaya mereka mengikuti apa yang sudah pun menjadi satu ketetapan yang mereka hendak laksanakan.

Pada umumnya, adalah adil untuk menyatakan bahawa media kita masih bertanggungjawab. Terima kasih.

Sebagai sebuah media yang sedang melalui proses pendewasaan, media bagi sebuah negara yang dulu baru merdeka, media bagi sebuah negara yang sedang membangun, media bagi sebuah bangsa yang sedang berusaha secepat mungkin untuk memajukan negara kita ini menjadi sebuah negara yang maju, hormat, berwibawa, sama tinggi dengan negara-negara lain yang maju.

Media menghadapi situasi sebuah negara yang sedang mendepani pelbagai cabaran dari pelbagai punca dan sudut, golongan manusia dan sebagainya bukan hanya dalam negeri tetapi juga pada peringkat global.

Kita juga perlu memahami bahawa kita sendiri, rakyat Malaysia pada hari ini berlainan dengan golongan yang ada sebelum kita merdeka atau semasa baru kita merdeka.

Lebih ramai hari ini yang ada (terdiri mereka) yang berupa rakyat Malaysia yang lahir, membesar dan dewasa setelah kita merdeka.

Dan bagi media pun begitu juga, media sama yang dikatakan tadi, terutama media arus perdana yang dulu telah berfungsi dan berperanan semasa kita baru merdeka dan telah pun melalui, merasai, mengalami pelbagai peristiwa yang berlaku dalam negara

bersama kerajaan. Kami sama-sama melalui zaman perubahan dan cabaran yang sama.

Saudara tahu di sebelah media, saya tahu di sebelah kerajaan, dan saya pun tahu juga pasal media, saudara pun tahu juga tentang apa yang berlakunya dalam kerajaan.

Tetapi yang ramainya pada hari ini termasuklah *bloggers*, anak-anak muda zaman negara sedang berada dalam peringkat yang saya kata menghadapi pelbagai cabaran, dugaan dan sebagainya untuk mencari tempat dan kedudukan sebagai sebuah negara yang maju dan rakyatnya berwibawa.

## Berubah

Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh kerajaan hari ini berbeza daripada apa yang dihadapi oleh Tunku Abdul Rahman (Perdana Menteri pertama) dulu termasuk juga selepas itu, Tun Razak Hussein, Tun Hussein Onn, Tun Dr. Mahathir Mohamad, (kini) saya, dan (cabaran) akan terus berubah dan kita perlu menghadapi semua ini.

Apa yang ada di dalam negara, apa yang datang dari luar negara, dan dengan revolusi komunikasi yang begitu hebat serta pesat berlaku dalam dunia percetakan, pengaruh-pengaruh baru, aspirasi-aspirasi yang baru yang kian memuncak daripada semasa ke semasa, kita sekarang sudah sampai ke peringkat dewasa.

Kalau kita tengok dari segi (perkembangan) negara, (bermula dari) maju, berjaya dan selepas itu mencapai gemilang, lepas itu dah menjadi merosot, kemudian hancur. (Peristiwa itu) kadang-kadang menjadi rujukan kepada pelajar-pelajar yang ingin membaca kisah-kisah lama, sejarah-sejarah lama untuk memahami jatuh bangunnya sesebuah negara. Itu kepada mereka yang berminat tetapi bagi yang tidak berminat tidak ada erti buat mereka.

Bagi orang yang tahu, tentulah banyak (perkara) akan terlintas dalam fikiran mereka (mengenai) apa yang berlaku dulu.

Tetapi kalau kita mengambil peranan sepenuhnya, (dan sewajarnya) kita perlu main peranan, kita perlulah bersandar kepada sejarah kerana sejarah adalah amat penting.

Sejarah adalah bahan yang menjadi pengajaran kepada kita. Walaupun (dalam) sejarah kita itu (pernah) berlaku sesuatu peristiwa yang paling malang, paling dahsyat, ia tetap menjadi pelajaran.

Saya sentiasa berpendapat, sebenarnya apa yang paling berat itu adalah satu pengajaran

ti) akan kehilangan identiti kerana dia tidak pernah membentuk dan menjaga peribadinya. Jati dirinya perlu dibentuk agar sentiasa tidak mudah bertukar walaupun dengan ada segala desakan dan cabaran mahupun dengan segala pengaruh.

Kita tidak mahu wujud golongan yang tidak sedar dengan bahasa yang digunakan kerana (menganggap) ia tidak penting kepadanya. Ini menyebabkan dia tidak mengenali dirinya kerana pada dirinya tidak ada lagi ciri-ciri yang ada hubung kait dengan apa yang dipanggil kebudayaan dan kesenian bangsa.

Dia tidak ada rupa bangsa lagi kerana dia sendiri membiarkan dirinya dihanyutkan oleh segala pergolakan dan arus besar yang sentiasa melanda diri dan negaranya.

Apa pendirian kita? Apa jati diri kita? Apa sikap kita? Apa nilai yang ada pada diri kita? Tentu kita tidak ada apa-apa lagi pada masa itu.

Apa yang kita hendakkan? (Jika) tidak baik, (maka) tidak baiklah, (timbul perasaan) tidak kisah. Maka kita akan menjadi bangsa yang hilang pedoman. Yang ada hanya (kepentingan) materialistik sahaja. Tidak ada panduan, tidak ada pedoman, tidak ada arah dituju. Kita tidak akan menjadi sebuah bangsa yang menerokai jalan-jalan baru, bangsa yang tidak dapat berbuat sesuatu yang boleh meninggikan lagi kemajuan kita.

Maka yang akan berlaku (akibatnya) tidak ada usaha langsung (untuk maju). Yang saya katakan dulu, kita perlu memahat sejarah dan membina tamadun.

Kenyataan saya dulu mengenai mengapa kita perlu memahat sejarah dan membina tamadun, apakah ertinya semua ini? Ertinya ialah kita sentiasa berwaspada dengan apa yang berlaku (di sekeliling kita) di samping mengingati diri kita.

Kita perlu mengingati apa pegangan kita. Apakah nilai-nilai hidup kita, agama kita, perasaan kita, (sumbangan) hayat (hidup) kita pada negara dan bangsa kita. Jika ini menjadi ingatan dan disumbangkan kepada negara kita, maka kita akan dapat memahat sejarah.

Maka sejarah inilah yang akan menjadi batu-bata (bahan) untuk membina satu tamadun besar. (Sumbangan ini) yang ada harga dan bernilai, memberi banyak erti kepada diri kita semua sebagai satu bangsa Malaysia yang amat megah, sentiasa bersedia dan boleh maju.

Saya bersyukur dengan kemajuan yang dicapai (Malaysia) dari semasa ke semasa. Inilah perkara yang hendak saya sampai kepada saudara-saudari.

Dan wabahnya kita (kerajaan) telah menen-  
tukan peningkatan perimeter-perimeter ter-  
tentu yang sedia ada dalam undang-undang  
yang sedia dipakai pada hari ini. Ia masih  
relevan lagi, cuma hanya hendak melaksana-  
kan ataupun tidak, bergantung kepada situasi  
dan keadaan.

Jika perlu, maka kita laksanakan. Um-  
pamanya hendak mendidik anak jangan  
buang rotan, sangkut belakang dinding, saya  
percaya ini adalah cara yang baik sebagai  
peringatan. Adalah penting kepada manusia  
mengikut tuntutan untuk menjadi bebas,  
kerana kebebasan itu besar erti pada dirinya,  
kerana dia mengatakan kalau dirinya begitu  
tinggi maka dia bebas dari segala-segalanya.

(Tetapi) apalah erti kebebasan, untuk me-  
negakkan hak asasi manusia kita hanya me-  
mikirkan kepada diri dan kumpulannya se-  
mata-mata sedangkan dia tidak fikir lang-  
sung bahawa manusia lain juga ada hak dan  
kebebasan masing-masing yang perlu dipeli-  
hara. Saya biasa mengatakan kalau dalam  
rumah kita, kita buat apa sahaja, buatlah  
kerana itu hak kita.

Jadi ini semua perkara yang perlu difikir-  
kan, ia tidak mudah untuk diuruskan.

Kebebasan manusia untuk berfikir dan  
bertindak sangat besar pada diri, tapi tidak  
pernah kita bebas untuk hidup tanpa ada  
hala tuju. Dan kebebasan ada sekatan-seka-  
tan tertentu, tidak ada kebebasan mutlak  
untuk berbuat apa sahaja.

Dalam alam haiwan, (haiwan) bertindak  
semata-mata kerana berasa hendak bertin-  
dak. Manusia berbeza dengan haiwan, boleh  
fikir apa yang baik atau tidak baik. Boleh fikir  
untuk diri sendiri dan orang lain.

Kita adalah satu bangsa yang ingin maju  
dan berjaya, kita ada peranan kita ma-  
sing-masing, harus kita sama-sama mengi-  
ngati perkara ini, berhati-hatilah.

Mungkin cara kita itu yang penting, uta-  
makan juga musyawarah kerana itu amalan  
demokrasi, kesusilaan, ketertiban itu yang  
penting dan akhirnya perpaduan yang dite-  
gakkan di atas prinsip-prinsip inilah yang  
akan menjamin masa depan yang baik.

Inilah peranan yang perlu dilakukan da-  
lam lingkungan ini dan saya harap pihak  
media semua dapat memahami perkara ini  
sebagaimana saya juga perlu memahami per-  
kara ini kerana kita sama-sama bekerja un-  
tuk masa depan negara yang maju, berjaya,  
bangsa yang berwibawa. Kita pahat sejarah,  
kita bertindak bertamadun.